

Promosi warisan songket

BH - 15/2/2006

PM mahu kegunaan tekstil tradisional dipelbagaikan secara berterusan

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu usaha mempromosikan songket dibuat bersungguh-sungguh dan secara berterusan supaya tidak dianggap sebagai hanya 'hangat-hangat tahi ayam'.

Perdana Menteri berkata, kegunaan songket juga mesti dipelbagaikan dan tidak sekadar sebagai selendang untuk wanita atau kain samping untuk lelaki.

"Saya nak usaha berterusan, kalau mula tetapi lepas itu berhenti, orang kata hangat-hangat tahi ayam.

"Kita mulakan dengan sungguh-sungguh dan teruskan usaha itu hingga songket berkembang menjadi produk yang dikenali pada peringkat antarabangsa dan ramai menggunakannya," katanya pada sidang media selepas melancarkan duit syiling peringatan "Songket - Seni Warisan Agung" di Sri Pentas TV3, di Bandar Utama, di sini, malam tadi.

Abdullah berkata, usaha mempromosikan songket sekarang banyak dilakukan oleh swasta dan kerajaan sedia memberi bantuan melalui Wisma Putra atau atase perdagangan untuk membolehkan mereka memasarkan songket ke luar negara.

Terdahulu, Perdana Menteri melancarkan tiga jenis duit syiling peringatan "Songket - Seni Warisan Agung." Ia adalah inspirasi daripada usaha dimulakan isteri Perdana Menteri, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood.

Ketiga-tiga duit syiling itu - Duit Syiling Peringatan Emas (peruf), Duit Syiling Peringatan Perak (peruf) dan Duit Syiling Peringatan Dwilogam (kilat istimewa), sah diperlakukan.

Duit Syiling Peringatan Emas (peruf) diperbuat daripada emas dengan ketulenan 999.9 dan mempunyai berat 8.6 gram setiap satu. Ia mempunyai nilai muka RM100 dan dijual pada harga RM1,028 sekeping, dan kuantiti tempaan terhadap 150 keping saja.



SONGKET DIPELBAGAikan: Abdullah menunjukkan duit syiling peringatan songket sambil diperhatikan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Rais Yatim (kanan); Pengerusi Media Prima, Datuk Abdul Mutalib Mohamed Razak (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif TV3, Datuk Farid Redzuan, di Seri Pentas malam tadi.